

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG**  
**TARIKH : 8.8.2017**  
**SOALAN : NO. 30**

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan kemasukan pelajar asing ke institusi pengajian tinggi di Malaysia sejak tahun 2010 mengikut tahun, negara asal dan jantina. Bagaimana Kerajaan memastikan mereka benar-benar hadir ke kelas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi tahun 2015 dan 2016, seramai 254,771 orang pelajar antarabangsa telah mengikuti pengajian di institusi pendidikan tinggi (IPT) dalam negara.

KPT dengan Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) saling bekerjasama dengan memastikan hanya pelajar antarabangsa yang benar-benar tulen (*genuine*) dan mematuhi syarat yang ditetapkan sahaja boleh belajar di IPT dalam negara. KPT juga telah melaksanakan pelbagai usaha termasuk membangunkan sistem saringan dinamakan *Student Application and Registration System (STARS)* yang berperanan dalam mengesan lebih awal cubaan pemohon yang menggunakan identiti palsu, transkrip palsu atau diubahsuai, verifikasi keputusan akademik dan cubaan memalsukan salinan pasport sebelum dikemukakan kepada JIM

untuk kelulusan visa pelajar. Mengikut kepada statistik permohonan Visa Dengan Rujukan (VAL) pada tahun ini iaitu sehingga Julai 2017, sebanyak 5.5% dari 19,093 permohonan yang ditolak.

KPT juga telah mewajibkan IPT untuk mengemukakan pencapaian akademik dan rekod kedatangan pelajar kepada *Education Malaysia Global Service* (EMGS) pada setiap tahun bagi proses pembaharuan visa dan i-kad. Selain itu, setiap pelajar disyaratkan untuk mencapai keputusan akademik sekurang-kurangnya Purata Nilai Gred Kumulatif 2.00 dan ke atas serta rekod kedatangan ke kelas melebihi 80% bagi satu semester.

Pihak JIM hanya akan mengeluarkan pas pelajar dan i-kad setelah permohonan tersebut mendapat surat sokongan EMGS serta pelajar tersebut didapati bebas dari sebarang rekod jenayah dan sebagainya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK DAGANG**  
**TARIKH : 8.8.2017**  
**SOALAN : NO. 31**

**Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina lebih banyak lagi teknikal kolej di luar bandar Sarawak bagi pelajar lepasan Tingkatan 5 yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ke tempat lain oleh kerana tak mampu daripada segi kos yang dikenakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) atau cawangannya dibuat berdasarkan keperluan strategik negara dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan Kerajaan, kepentingan bidang tujuhan tertentu terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan dalam pasaran kerja.

Pada masa ini, terdapat beberapa buah IPTA yang sedang beroperasi di Sarawak dan menawarkan tempat bagi pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk melanjutkan pengajian, iaitu :

- (a) Universiti Malaysia Sarawak;
- (b) Universiti Teknologi MARA Kampus Samarahan;
- (c) Universiti Teknologi MARA Kampus Samarahan 2;

- (d) Politeknik Kuching;
- (e) Politeknik Mukah;
- (f) Politeknik METro Betong;
- (g) Kolej Komuniti Kuching;
- (h) Kolej Komuniti Mas Gading;
- (i) Kolej Komuniti Miri;
- (j) Kolej Komuniti Betong;
- (k) Kolej Komunit Santubong; dan
- (l) Kolej Komuniti Sarikei.

Pada masa kini, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) turut sedang dalam proses perancangan bagi penubuhan Kolej Komuniti Cawangan Sibu.

Selain itu, Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Miri dan IPG Kampus Rajang Bintangor sedang dalam perancangan untuk ditukar fungsi menjadi politeknik. Pengambilalihan kampus IPG berkenaan secara beransur-ansur membuka peluang kepada pelajar lepasan SPM di Sarawak dan mengurangkan beban kos pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.